

Najib kena penjara 12 tahun, denda RM210 juta

BH - 29/7/2020 m/s:2

Bersalah terhadap 7 tuduhan pecah amanah, ubah wang haram RM42j

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Farah Marshita Abdul Patah, Luqman Arif Abdul Karim dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta, selepas didapati bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan perubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd (SRC).

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, memerintahkan bekas Perdana Menteri itu dijatuhi hukuman penjara 10 tahun masing-masing bagi tiga tuduhan pecah amanah.

Beliau juga menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta atau tambahan lima tahun penjara jika gagal membayarnya kepada Ahli Parlimen Pekan itu bagi satu tuduhan menyalahgunakan kedudukan.

Bagi tiga lagi tuduhan perubahan wang haram, Najib dijatuhi hukuman penjara 10 tahun bagi setiap sabitan.

Walaupun jumlah keseluruhan hukuman penjara adalah 72 tahun, mahkamah memerintahkan

hukuman itu berjalan serentak, bermakna Najib hanya perlu menjalani hukuman penjara maksimum 12 tahun.


Susulan rayuan Najib, mahkamah membenarkan pelaksanaan hukuman penjara dan denda itu ditangguhkan rayuan didengar dan diputuskan.

Bagaimana pun Mohd Nazlan mengenakan syarat, jumlah jaminan dinaikkan kepada RM1 juta dengan dua penjamin yang mesti dibayar hari ini, selain mengarahkan Najib melapor diri di balai polis terdekat dua kali sebulan.

Terdahulu, dalam membuat keputusannya, Mohd Nazlan berkata, beliau mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk kepentingan awam, kepentingan tertuduh dan faktor objektif utama penguatkuasaan undang-undang.

Beliau berkata, hukuman yang dikenakan bukan saja untuk menghukum pelaku, namun pada masa sama mencegah individu lain daripada melakukan kesalahan berkenaan.

Katanya, dalam menjatuhkan hukuman, mahkamah turut mengambil pertimbangan bahawa Najib selaku bekas Perdana Menteri, turut memberikan sumbangan kepada negara.



Najib meninggalkan mahkamah selepas mendengar penghakiman kesnya di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, malam tadi. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

SRC

SRC International Sdn. Bhd.

Bagi pertuduhan salah guna kuasa, Najib didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda atau RM10,000 tertakluk mana lebih tinggi.

Tiga pertuduhan pecah amanah pula dibuat mengikut Seksyen 409, Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun, denda dan sebatan.

Bagaimanapun Najib, 67, akan terkecuali daripada hukuman sebatan kerana faktor usianya.

Bagi pertuduhan membabitkan perubahan wang haram, Najib didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 yang membawa hukuman penjara sehingga 15 tahun, denda RM5 juta atau lima kali ganda wang terbabit, tertakluk kepada mana yang lebih tinggi.

Keputusan penghakiman semalam adalah sabitan pertama Najib yang sedang berdepan berpuluh lagi pertuduhan lain dalam skandal syarikat pelaburan stratgik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Antara kes lain yang sedang dibicarakan ialah berkaitan pertuduhan salah guna kuasa dana 1MDB bernilai RM2.28 bilion, meminda laporan audit 1MDB dan

perubahan wang haram sebanyak RM27 juta milik SRC.

SRC sebelum ini adalah anak syarikat 1MDB sebelum menjadi milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF).

Ketika menjadi Perdana Menteri, Najib juga adalah Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB; Penasihat Emeritus SRC dan Menteri Kewangan.

Pada sebelah pagi, ketika membacakan penghakimannya, Mohd Nazlan memutuskan, Najib bersalah atas semua tujuh pertuduhan salah guna kuasa, pecah amanah jenayah dan perubahan wang haram membabitkan dana bernilai RM42 juta milik SRC.

Beliau membuat keputusan itu selepas berpuas hati yang pihak pembelaan gagal membuktikan kes melampau keraguan munasabah.

"Selepas menimbangkan semua keterangan, saya mendapati pendakwaan berjaya membuktikan semua tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan perubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC dihadapi tertuduh.

"Saya dengan ini mendapati tertuduh bersalah ke atas ketujuh-tujuh tuduhan," kata Mohd Nazlan ketika membaca penghakiman bertulisnya yang mengambil masa kira-kira dua jam.

Susulan keputusan itu, peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, memohon penangguhan untuk prosiding untuk rayuan sebelum hukuman dijatuhkan kepada Isnin depan.

Namun, permohonan itu dibantah Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk V Sithambaram yang

mengetuai pendakwaan, dengan hujah penangguhan hanya diberikan selepas hukuman diberikan dan bukannya penangguhan bagi sabitan.

Mohd Nazlan berkata, beliau menerima hujah terdapat situasi yang membolehkan pendengaran rayuan bagi mengurangkan hukuman ditangguhkan, namun tertuduh perlu memberikan alasan yang munasabah bagi menjustifikasikan penangguhan itu.

"Saya tidak menganggap hujah yang diberikan ada justifikasi. Tertuduh masih mempunyai hak mengemukakan rayuan, oleh itu mahkamah akan meneruskan prosiding dengan mendengar rayuan tertuduh bagi mengurangkan hukuman," perintahnya.

Sementara itu, petugas media dan penyokong Najib dan pemerhati mula membanjiri di luar perkarangan mahkamah seawal jam 7 pagi.

Najib tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di Jalan Duta di sini jam 9.26 pagi dan memasuki bangunan mahkamah pada jam 9.57 pagi. Beliau diiringi beberapa pemimpin UMNO, termasuk Presidennya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Bagaimanapun, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor tidak kelihatan.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun berkata, Najib boleh menghadiri sesi sidang Dewan Rakyat yang berlangsung sehingga 27 Ogos.

"Mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, taraf beliau sebagai Ahli Parlimen tidak berubah sehingga semua proses rayuan selesai," katanya.

Ibadat & Fadilat

Daripada Anas, katanya, "Apabila Nabi Muhammad bercakap mengenai sesuatu perkara, beliau mengulanginya sebanyak tiga kali. Ini bagi memastikan orang yang mendengar memahami kata-katanya. Sekiranya beliau bertemu dengan seseorang beliau memberi salam. Salam itu diucapkan sebanyak tiga kali." (HR Bukhari)

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---------------|-------|-------|------|---------|-------|
| Kangar | 6:00 | 1:28 | 4:48 | 7:39 | 8:52 |
| Alor Setar | 6:00 | 1:27 | 4:48 | 7:38 | 8:52 |
| P. Pinang | 6:02 | 1:27 | 4:49 | 7:37 | 8:51 |
| Ipoh | 6:01 | 1:25 | 4:47 | 7:34 | 8:47 |
| Kuala Lumpur | 6:00 | 1:23 | 4:44 | 7:30 | 8:43 |
| Shah Alam | 6:00 | 1:23 | 4:44 | 7:30 | 8:43 |
| Johor Bahru | 5:54 | 1:14 | 4:36 | 7:19 | 8:31 |
| Kuantan | 5:55 | 1:17 | 4:39 | 7:24 | 8:36 |
| Seremban | 5:59 | 1:21 | 4:43 | 7:27 | 8:40 |
| Bandar Melaka | 5:59 | 1:20 | 4:42 | 7:26 | 8:39 |
| Kota Bharu | 5:53 | 1:20 | 4:41 | 7:31 | 8:40 |
| K. Terengganu | 5:51 | 1:16 | 4:37 | 7:26 | 8:39 |
| Kota Kinabalu | 5:00 | 12:24 | 3:45 | 6:34 | 7:48 |
| Kuching | 5:29 | 12:49 | 4:11 | 6:54 | 8:07 |

Kerajaan hormati keputusan mahkamah

Kuala Lumpur: Kerajaan menghormati keputusan mahkamah dan menggesa semua pihak metakkan kepercayaan kepada sistem perundangan serta kehakiman negara, sebagai institusi yang bebas dan berkecuali.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, dalam kenyataannya, berkata kerajaan Perikatan Nasional (PN) akan sentiasa menegakkan prinsip kedaulatan undang-undang.

"Kerajaan mengambil maklum keputusan Mah-

kamah Tinggi semalam yang mensabitkan Datuk Seri Najib Razak atas semua tujuh pertuduhan melibatkan RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd.

"Kerajaan menghormati hak beliau untuk merayu atas hukuman dijatuhkan mahkamah. Saya memahami perasaan dan sentimen rakan terhadap keputusan dibuat mahkamah.

"Sama-samalah kita beri ruang kepada proses undang-undang untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan," katanya.